

□ KEJOHANAN SILAT OLAHRAGA

10 negeri hantar wakil



● ABDUL RAHMAN
HASSAN

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan menganjurkan Kejohanan Silat Olahraga Kebangsaan di Institut Sukan Negara, Kampung Pandan dari 21 hingga 23 Ogos ini.

Kejohanan yang kali pertama diadakan ini akan disertai oleh 10 negeri dan empat persatuan gabungan PESAKA.

Negeri-negeri itu ialah Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Melaka, Johor, Perak, Kedah, Perlis, Kelantan, Pahang dan Sarawak, manakala persatuan pula ialah Silat Lincak, Silat Cekak, Silat Gayung, dan Silat Gayung Fatani.

Kejohanan ini akan dibahagikan kepada dua peringkat — remaja dan dewasa. Peringkat remaja terbuka kepada peserta berusia antara 14 hingga 21 tahun, manakala dewasa 21 hingga 35 tahun.

Pengerusi kejohanan, Abdul Rahman Hassan berkata, kejohanan ini antara lain bertujuan memilih peserta terbaik untuk mewakili Malaysia ke Pesta Silat Antarabangsa di Stadium Negara dari 20 hingga 24 September depan.

Menurut Rahman, silat *olahraga* adalah satu pertandingan silat yang boleh disertai oleh sesiapa sahaja yang boleh mempamerkan apa juga jenis silat.

"Pengadilan akan dibuat berasaskan ki-

raan dari segi tumbukan, tendangan, jatuhan lawan dan kunci.

"Perlawanan akan dinilai oleh lima juri dan seorang wasit," jelas beliau.

Mengenai Pesta Silat Antarabangsa bulan depan, Rahman memberitahu, PESAKA sedang menunggu pengesahan dari Persekutuan Silat Antarabangsa (PSA) yang berpusat di Indonesia mengenai penyertaan negara-negara luar.

Menurutnya sebanyak 12 negara telah diundang iaitu Singapura, Indonesia, Brunei, Thailand, Filipina, Burma, Amerika Syarikat, Belanda, Jerman Barat, United Kingdom, Australia dan Luxemberg.